

Doa Dr M suntik semangat

BH 12 MAY 2000

MENTERI Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali, berkata ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuktikan beliau tegas menangani isu politik wang dalam parti demi masa depan orang Melayu.

Katanya, Presiden turut meminta perwakilan menolak mereka yang mengamalkan politik wang untuk membeli undi bagi mendapatkan tempat dalam parti.

"Ini adalah langkah terbaik untuk memulihkan kembali imej parti yang sebelum ini dicemarkan oleh politik wang," katanya sambil menyifatkan doa Presiden parti memberi suntikan baru kepada parti.

Katanya, doa itu satu pembaharuan bagi memberi semangat kepada orang Melayu untuk terus berjuang bagi mengekalkan Umno di hati masyarakat Melayu.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, pula berkata Dr Mahathir membangkitkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim ber-



PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-54

tujuan menjelaskan perkara yang sebenar berlaku dalam kes itu.

Beliau berkata, tujuan utama Presiden berbuat demikian adalah bagi memastikan orang ramai tidak membangkitkan isu lagi, terutamanya pada pilihan raya.

Katanya, Presiden juga amat tegas menangani isu politik wang bagi memastikan imej parti dapat diperbaiki.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata ahli Umno kini perlu bersedia menangani dakwaan politik pembangkang dalam memastikan parti itu terus menjadi pilihan rakyat.

"Jika semua ahli sedar dan sentiasa bekerjasama, saya yakin Umno dapat bertahan dan terus wujud sebagai parti yang paling lama memerintah sesebuah negara di dunia," katanya.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, pula berkata pesanan Presiden parti itu adalah tepat pada masanya terutama dalam usaha memulihkan imej Umno khususnya dari segi perilaku ahlinya pada peringkat pimpinan.

"Ini kerana pimpinan kita bukan saja diyakini oleh ahli tetapi juga mendapat keyakinan daripada masyarakat Melayu khususnya," katanya.

Beliau berkata, ahli Umno juga perlu menghayati tanggungjawab Umno dalam usaha membawa perpaduan pada masyarakat Melayu terutamanya apabila parti Pas dan Keadilan yang secara tidak sedar menjadi alat kepada kepentingan pihak lain yang sengaja membawa perpecahan kepada kaum Melayu.

Menteri Pembangunan

Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, berkata sudah sampai masa untuk semua ahli umno berubah dan menolak pemimpin yang mengamalkan politik wang bagi mendapatkan pengaruh.

Katanya, orang Melayu kini perlu memastikan diri mereka dilengkapi dengan budaya, nilai hidup dan kualiti supaya dapat membendung nafsu dan nilai-nilai yang buruk dalam mewujudkan Melayu Baru,

"Melayu Baru adalah Melayu yang berpegang kuat kepada agama dan nilai murninya, berdisiplin dan sedar bahawa Tuhan hanya akan menolong mereka yang ber-

usaha dan belajar serta menguasai Ilmu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, gesaan Presiden Umno perlu dihayati ahli Umno.

Beliau berkata, mesej itu juga adalah arahan akan datang kepada parti mengenai kualiti dan jenis kepimpinan yang harus ada kepada pemimpin parti dan kerjanya sekiranya mereka ingin terus berkuasa serta dihormati.

"Setiap ahli perlu hayati mesej ini bagi mendapatkan semula keyakinan rakyat terhadap Umno sebagai parti yang mempunyai imej yang bersih, cekap dan amanah," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Mustapa Mohamad, berkata teguran presiden parti perlu dijadikan iltizam oleh setiap anggota Umno untuk mencerminkan diri masing-masing bagi mengatasi sebarang kekurangan.

"Ucapan Dr Mahathir, yang menekankan kepentingan anggota Umno memartabatkan bangsa Melayu adalah petanda kita belum mencapai satu tahap membanggakan dan usaha ke arah itu perlu ditingkatkan,"

"Bagi mencapai sasaran ini, barisan pemimpin yang dipilih perlu menjauhi segala amalan yang boleh mencemarkan imej parti," katanya.